

19 MAY 2003

Aids-Modul

JAKIM RANGKA MODUL KHAS TANGANI ISU HIV/AIDS

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sedang merangka modul khas untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman pemimpin agama mengenai HIV/Aids dan ia dijangka diperkenalkan selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin berkata modul latihan berkenaan dirangka dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Majlis Aids Malaysia (MAM).

"Pada masa ini, kita sedang membincangkan cara untuk mencari formula lebih berkesan bagi menangani masalah penyakit HIV/Aids. Ia tidak boleh dipandang ringan kerana bilangan yang menghidap penyakit ini meningkat dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perundingan Antarabangsa Kedua Pemimpin-pemimpin Islam Dalam Menangani isu HIV/Aids, di sini hari ini.

Lebih 200 perwakilan yang terdiri daripada ahli akademik dan pemimpin masyarakat Islam dari 30 negara, antaranya dari Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Bangladesh, Indonesia, Singapura dan perwakilan tempatan menyertai perundingan selama lima hari itu, yang berakhir Jumaat ini.

Perundingan mengenai HIV/Aids kali pertama diadakan di Kampala, Uganda dua tahun lepas, yang membincangkan agenda melibatkan isu penyakit berkenaan dengan lebih berkesan oleh masyarakat Islam.

Abdul Hamid berkata latihan berkenaan akan diberikan kepada pemimpin agama di seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

"Program ini adalah untuk meningkatkan kefahaman pemimpin Islam mengenai penyakit HIV/Aids ini...penting untuk mereka faham mengenai masalah ini kerana cakap mereka didengar oleh masyarakat," katanya.

Sementara itu, presiden MAM Datin Paduka Marina Mahathir berkata pada masa ini kesedaran mengenai HIV/Aids di kalangan masyarakat Islam semakin meningkat.

"Dua tahun lepas, kita menghantar delegasi yang termasuk pegawai-pegawai Jakim, mufti dan Imam Besar Masjid Negara untuk menghadiri perundingan kali pertama di Uganda. Ia membuka mata mereka untuk melihat negara yang rakyatnya terlibat dengan penyakit HIV/Aids," katanya.

Beliau berkata perundingan kali kedua itu akan membincangkan lima perkara utama iaitu maruah, pendedahan, perlakuan seks, penggunaan dadah dan peranan pemimpin agama.

Kira-kira 42 juta penduduk di seluruh dunia menghidap HIV/Aids dan peningkatan mereka yang dijangkiti penyakit itu setiap hari menunjukkan bahawa isu itu tidak boleh dipandang mudah, katanya.

Antara penceramah pada perundingan itu ialah Profesor Dr Mohamed Kamal Hassan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Mufti Uganda Sheikh Shaban Mubajje, wakil khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai HIV/Aids bagi Asia, Dr Nafis Sadik dan Setiausaha Agung Persidangan Dunia mengenai Agama dan Keamanan, Dr William Vendley.

-- BERNAMA

SHI AHH ERE RON